

TARIKH	31 / 1 / 2013	SEKSYEN	Supplement
MUKA SURAT	412	RUANGAN	Supplement

Kem Motivasi TH asah bakat siswa

Oleh Basir Zahrom
basir@bharan.com.my

► Selangor

Peserta Kem Motivasi dan Kepimpinan Siswa anjuran Tabung Haji (TH) dan BH menyifatkan program itu banyak memberi pendedahan bermanfaat kepada mereka.

Pelajar Politeknik Shah Alam (PSA), Norinni Abu Bakar, berkata kem julung kali itu mengeratkan silaturahmi dalam kalangan saudara sesama Islam pada peringkat sekretariat TaHa@U institusi pengajian tinggi (IPT) sekitar Lembah Klang.

Katanya, kem itu juga mengasah bakat kepemimpinan dalam diri peserta menerusi aktiviti yang dijalankan secara berkumpulan.

"Satu kumpulan terdiri daripada beberapa sekretariat IPT berbeza, jadi kami gunakan peluang ini untuk berkongsi pendapat bagaimana untuk merancang aktiviti lain pada peringkat kampus masing-masing," katanya ketika ditemui di Ulu Yam, baru-baru ini.

Program itu dirasmikan Pengurus Besar Khidmat Pelanggan TH, Mohammad Saimi Mat Som. Turut hadir Ketua Unit Pembangunan

Perniagaan, Jabatan Pengerahan NSTP, Salmah Hanim Hares dan Pengarang Berita Pendidikan, Ridzuan yop

Pelbagai aktiviti

Seramai 50 sekretariat TaHa@U IPT awam dan swasta terpilih mengikuti kem berkenaan. Peserta terdiri daripada mahasiswa

Universiti Malaya, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Pusrawi International College of Medical Science (PICOMS) dan PSA.

Kem tiga hari dua malam itu menyediakan pelbagai aktiviti termasuk mengikuti zikir Maulid Dibal' bersama-sama pelajar Darul Quran, aktiviti dalam kumpulan termasuk 'night walk', membuat dan berlumba rakit, latihan menyelamat dalam air, 'flying fox' dan mencari harta karun.

Pelajar Universiti USIM, Siti Mariam Mohd Zainal, berkata kem itu memberi manfaat kepada peserta untuk membina sahsiah diri sebagai pelajar dan anak muda yang bertanggungjawab memberi kesedaran kepada rakan lain mengenai kepentingan bersatu dalam Islam.

Katanya, USIM baru saja membentuk sekretariat TaHa@U, oleh itu, beliau akan menggunakan pembabitannya dalam kem itu untuk mendapatkan seberapa banyak input untuk dikongsi bersama rakan lain.

Pengajaran

Pelajar PICOMS, Che Muhammad Sharifuddin Che Muhd Sharif, berkata kem itu bukan saja menguji ketahanan fizikal, malah ketahanan mental, memupuk semangat kerjasama dalam kumpulan, kepimpinan, keberanian serta keyakinan diri.

Katanya, kem itu mendedik peserta elemen rohani-

ah kerana walaupun sibuk dengan aktiviti lasak peserta tidak ketinggalan untuk bersembahyang berjemaah setiap kali masuk masuk waktu solat.

"Aktiviti paling memberi kesan ialah 'night walk' kerana kami ditinggalkan dalam hutan secara berasingan pada waktu malam selama setengah jam, ketika itu masing-masing menyatakan betapa sebenarnya sebagai manusia kita memerlukan antara satu sama lain.

"Dalam kesunyian menjalini aktiviti saya bermuhasabah diri, memikirkan kebesaran Allah dan kepentingan menjaga hubungan sesama manusia serta alam," katanya.

"KEM ITU JUGA MENGASAH BAKAT KEPEMIMPINAN DALAM DIRI PESERTA MENERUSI AKTIVITI YANG DIJALANKAN SECARA BERKUMPULAN"

Norinni Abu Bakar
Pelajar Politeknik Shah Alam